

E-BULETIN BULAN MEI 2022

JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK (JPPA)

INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

1. Meet & Greet and Touch Base Session with Consortium Industries.

Pada 10 Mei 2022, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik (JPPA) telah mengadakan satu sesi perjumpaan “Meet dan Greet & Touch Base bersama Konsortium Industri iCEPS” di Hotel UiTM bersama wakil syarikat yang terdiri antaranya Cyberview, Dale Carnegie, TalentCorp, Niosh dan MBSB Bank Berhad turut serta hadir bagi melangsungkan program ini. Program ini bertujuan untuk mendapat maklum balas serta pandangan bagi program baharu iaitu Program Sarjana Muda Pengajian Am (*Bachelor of General Studies*) yang akan mula ditawarkan pada pertengahan tahun 2023.





2. Professional Certificate in Advanced Cybersecurity Sesi Ogos 2022

Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Penngurusan Eksekutif (MPE), Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) Bil. 72/2022 bersetuju meluluskan permohonan untuk menawarkan dan menjalankan program profesional iaitu *Professional Certificate in Advanced Cybersecurity* buat kali keduanya pada bulan Ogos 2022. Program ini terbuka kepada semua Bumiputera dan berumur 18 tahun dan ke atas. Program ini juga akan disampaikan secara atas talian (*online*) sepenuhnya oleh penceramah program yang mempunyai kepakaran dalam bidang Sains dan Matematik serta *Cybersecurity*. Sebanyak lapan (8) modul akan diajar kepada pelajar melalui kelas yang akan diadakan hanya pada hujung minggu sahaja. Program ini telah mula diwara-warakan untuk mencari peserta pada pertengahan bulan Mei 2022. Jom sertai kami pada bulan Ogos 2022 ini untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keselamatan siber (*Cybersecurity*)!

The promotional poster features the logos of Universiti Teknologi MARA (UiTM) and MBOT (Malaysia Board of Technology). The main title is "PROFESSIONAL CERTIFICATE IN ADVANCED CYBERSECURITY". Below it is a quote by Bruce Schneier: "Security is not a product, but a process". Key information includes "RM 400 PER MODULE", "16 CPD POINTS", and "JOIN US FOR AUGUST 2022 INTAKE!". It also lists requirements: "OPEN TO MALAYSIAN BUMIPUTERA", "18 YEARS OLD AND ABOVE", "ONLINE AND OFFLINE CLASSES", and "8 MODULES FOR THE WHOLE PROGRAMME". Contact details for Cik Adibah, En. Nik Aizat, and En. Helmi are provided. A QR code for iCEPS is included, along with social media links for Instagram, Facebook, and Twitter. The poster ends with "Terms & Conditions Apply" and an email address: jppaiceps@uitm.edu.my.

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institute
of Continuing
Education &
Professional Studies

mbot
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGY

PROFESSIONAL CERTIFICATE IN ADVANCED CYBERSECURITY

"Security is not a product, but a process"
Bruce Schneier

RM 400
PER MODULE

16 CPD
POINTS

JOIN US FOR AUGUST 2022 INTAKE!

- OPEN TO MALAYSIAN BUMIPUTERA
- 18 YEARS OLD AND ABOVE
- ONLINE AND OFFLINE CLASSES
- 8 MODULES FOR THE WHOLE PROGRAMME

CONTACT US FOR MORE INFORMATION:
Cik Adibah : 03-5544 8233 +6019-270 8271
En. Nik Aizat : 03-5544 8234 +6016-369 0393
En. Helmi : +603-5544 2609

jppaiceps@uitm.edu.my


Terms & Conditions Apply

ICEPSUITM f ICEPSUITM @ ICEPSUITM 03-5544 8391

iCEPS
INSTITUTE OF CONTINUING
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

3. Sua Raya Aidilfitri UiTM 2022

Pada 24 Mei 2022, Universiti Teknologi MARA telah menganjurkan program Sua Raya Aidilfitri 2022 yang diadakan di Padang Kawad, UiTM bermula jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang dengan tema Riang Ria Aidilfitri. Semua warga UiTM dijemput hadir ke program tersebut untuk menyaksikan persembahan daripada staf fakulti, staf pentadbiran dan menjamu selera dengan juadah yang telah disediakan di pelbagai khemah. iCEPS turut mengambil bahagian dalam menyampaikan persembahan nyanyian yang diwakili oleh staf daripada pelbagai jabatan termasuk JPPA iaitu Penolong Pendaftar. Lagu yang dinyanyikan oleh kumpulan iCEPS adalah Raya,Raya,Raya oleh Kumpulan Dolla dan dua lagu lagi yang disampaikan secara berkumpulan. Di samping persembahan, terdapat juga acara cabutan bertuah daripada pihak penganjur program.



4. Sambutan Hari Raya JPPA 2022

Pada 26 Mei 2022, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Akademik (JPPA) telah menganjurkan sambutan Hari Raya Jabatan dan menjemput seluruh warga iCEPS ke majlis tersebut. Majlis bermula pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 1.00 petang bertempat di JPPA. Juadah yang dihidang dengan persetujuan konsep pot-luck meriah dengan pelbagai hidangan seperti roti jala, rendang tok Bersama lemang, telur sotong masak sambal, kacang pol, kuih-muih, buah-buahan serta hidangan yang lain. Kehadiran warga iCEPS telah memeriahkan acara tersebut dan ternyata mereka menyukai hidangan yang kami sediakan dengan ucapan ‘hidangan kayangan’.



5. PROGRAM PROFESIONAL CERTIFICATE IN OSH LEADERSHIP

Pada pertengahan bulan Mei 2022, pihak Jabatan telah mengepos sejumlah sepuluh sijil program profesional kepada peserta yang telah berjaya menamatkan program dan menghantar tugas yang diberikan oleh penceramah program. Program ini telah tamat pada 16 April 2022 dan seramai 12 orang pelajar telah berjaya menamatkan program ini. Program yang sama bertemakan bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bakal ditawarkan lagi pada masa akan datang dengan lebih banyak pengiktirafan daripada agensi kerajaan seperti JKKP (DOSH) dan HRD Corp.





CONTOH